

SIARAN MEDIA

06 Jun 2013
CBMR-5-RFI-12-JamuanTeh-v1

UNTUK SIARAN SEGERA

CYBERSECURITY MALAYSIA RAI PEMENANG PERTANDINGAN MEREKACIPTA POSTER DAN VIDEO KESELAMATAN SIBER DI MAJLIS BERSAMA MEDIA

(KUALA LUMPUR) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber Nasional dan juga agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), hari ini menganjurkan Jamuan Petang Bersama Media di Mega View Banquet Deck, Menara Kuala Lumpur dan meraikan para pemenang pertandingan merekacipta poster, video dan kuiz keselamatan siber.

Pertandingan merekacipta poster dan video keselamatan siber diadakan berdasarkan tema sambutan *Safer Internet Day 2013* iaitu, “Online Rights & Responsibilities” dengan slogan “Connect with Respect”. Ia telah diadakan selama empat bulan mulai dari Disember 2012 sehingga Mac 2013. Para peserta pertandingan telah menggunakan isu-isu berkaitan salah laku siber seperti Buli Siber, Hendap Siber, Kecurian Identiti, Penipuan Siber (Online Scam), serta *Child Cyber Grooming* sebagai tema video ciptaan mereka. Pertandingan diadakan secara *online* melalui laman media sosial CyberSecurity Malaysia seperti Facebook, Twitter dan YouTube. Sebanyak 23 penyertaan merekacipta poster, manakala 25 penyertaan merekacipta video telah diterima dari kalangan pelajar sekolah dan universiti tempatan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab, Pertambahan pengguna serta penggunaan Internet telah mendedahkan masyarakat Digital Malaysia kepada pelbagai bentuk ancaman siber. Gejala yang tidak bermoral serta salah laku hasil dari penggunaan Internet di alam siber telah



mengundang kebimbangan pelbagai pihak, termasuklah Kerajaan. Justeru, semua pihak harus berusaha untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dan kesedaran mengenai keselamatan siber, terutama di kalangan generasi muda.

“CyberSecurity Malaysia sedar bahawa generasi muda amat gemar melayari media sosial. Justeru, kami adakan inisiatif ini melalui laman media sosial agar dapat mendekati generasi muda (di bawah umur 25 tahun) untuk kami sebarkan ilmu pengetahuan mengenai keselamatan siber kepada mereka” tambah beliau lagi.

Selain meraikan sumbangan pihak media yang sentiasa memberi sokongan kepada CyberSecurity Malaysia, pada majis yang sama juga, CyberSecurity Malaysia turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kuiz CyberSAFE e-Baca untuk suku pertama tahun 2013. Peraduan ini dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama majalah e-Baca, sebuah penerbitan Kumpulan Media Karangkraf.

Tamat

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. Stay connected with us on www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia and www.twitter.com/cybersecuritymy

*For further enquiries about this document, please call +603-89460999,
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895), or
Sandra Isnaji (ext: 0867), email media@cybersecurity.my*



Securing Our Cyberspace



Best Brand
Information Security
2008 & 2009



CERTIFY TO ISO/IEC 27001:2005
CERT NO. 074

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMBUNG 456
(MyREF LABORATORY)



MSC
MALAYSIA
Status Company



T +603 8946 0999
F +603 8946 0888
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
www.cybersecurity.my